

01 MAY 2003

Pengganas/I

KMM, JEMAAH ISLAMIAH DALAM SENARAI PENGGANAS AMERIKA

WASHINGTON, 1 Mei (Bernama) -- Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiah (JI) berada dalam senarai 250 kumpulan pengganas yang terkandung dalam laporan tahunan mengenai keganasan golbal yang dikeluarkan pada Selasa oleh kerajaan Amerika Syarikat.

Menurut laporan itu, KMM didakwa cenderung dalam menggulingkan kerajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berminat terhadap pengwujudan sebuah negara Islam terdiri daripada Malaysia, Indonesia dan selatan Filipina.

Laporan itu berkata pihak berkuasa Malaysia percaya sebuah kumpulan ekstrem yang lebih kecil dan ganas telah berpecah daripada KMM yang didakwa diasaskan seorang bernama Zainon Ismail pada 1995. Zainon merupakan bekas mujahid di Afghanistan.

Malaysia kini menahan 48 anggota KMM mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan menganggarkan ia mempunyai 70 hingga 80 anggota.

KMM Malaysia didakwa mempunyai hubungan dengan kumpulan radikal Islam Indonesia dan telah menghantar anggota ke Ambom untuk memerangi orang kristian Indonesia.

Jemaah Islamiah merupakan sebuah rangkaian pengganas di Asia Tenggara dan didakwa mempunyai kaitan dengan Al-Qaeda dan dipercayai dibiayai oleh rakan hubungan mereka di Asia Barat dan Asia Timur.

Seperti KMM, matlamat JI dikatakan ialah untuk menubuhkan sebuah negara Islam terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Singapura, selatan Filipina dan Thailand.

Ji didakwa bertanggungjawab terhadap pengeboman Bali pada 12 Oktr 2002.

Senarai pengganas yang dikumpulkan Amerika menamakan pelbagai kumpulan ekstrem Islam daripada pertubuhan Abu Nidal kepada Abu Sayyaf, Hamas, Hizbullah dan Al Qaeda.

Kumpulan pengganas lain yang disenaraikan ialah Kamane Chai, Real IRA, Japanese Red Army dan Basque Fatherland serta Liberty.

Mengikut undang-undang Amerika, adalah menjadi satu kesalahan menyalurkan wang atau bantuan material kepada sesebuah pertubuhan pengganas asing (FTO).

Anggota FTO ini boleh dinafikan visa memasuki Amerika sementara institusi kewangan Amerika harus membekukan wang yang diperuntukkan bagi FTO dan perlu dilaporkan pembekuan itu kepada Jabatan Perbendaharaan Amerika.

Laporan itu, Patterns of Global Terrorism 2002 (corak keganasan global 2002) menyatakan kerjasama kerajaan Malaysia dengan penguatkuasaan undang-undang antarabangsa dalam perang global terhadap keganasan dan langkah pembanterasan yang agresif di dalam negara.

Pada Mei (tahun lepas), Malaysia menandatangani satu perisytiharan bersama kerjasama anti keganasan dengan Amerika dan pada November, kabinet Malaysia meluluskan penubuhan sebuah pusat latihan serantau anti keganasan di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

SH MFJ RON